

24 JUL 2001

Tajol-Taman

PERAK SEDIA BERI TANAH DI ULU SLIM UNTUK TAMAN BOTANI KEBANGSAAN

SLIM RIVER, 24 Jul (Bernama) -- Kerajaan negeri bersedia memberikan tanah seluas 400 hektar di Ulu Slim untuk dijadikan Taman Botani Kebangsaan sekiranya kerajaan pusat bersetuju dengan tapak tersebut

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata kerajaan negeri berpendapat kawasan Ulu Slim itu adalah yang paling sesuai kerana ia mempunyai kolam air panas yang belum dimajukan di samping perkampungan Orang Asli dan kampung tradisional.

Katanya kawasan kawasan itu mempunyai ciri-ciri yang baik untuk taman botani di samping menepati keluasan yang dikehendaki kerajaan pusat.

"Kawasan ini adalah yang paling sesuai berikutan pengumuman Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) bahawa satu kawasan di Perak akan dipilih untuk dibangunkan sebagai Taman Kebangsaan," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak kawasan itu di sini semalam.

Katanya, selain tanah milik kerajaan negeri itu, ada juga tanah seluas 800 hektar milik RISDA yang belum dibangunkan.

"Kerajaan negeri sedia berunding dengan RISDA atau pihak-pihak lain untuk mendapatkan tanah tersebut sekiranya kerajaan pusat mahu membangunkan kawasan itu juga," katanya.

Tajol Rosli berkata kerajaan negeri ada melihat beberapa kawasan lain untuk menjayakan projek Taman Kebangsaan tetapi berpendapat kawasan Ulu Slim adalah yang paling sesuai.

Untuk menjadikan kawasan terbabit sebagai tarikan pelancong apabila taman itu menjadi realiti, beliau berkata kerajaan negeri akan mengeluarkan peruntukan untuk meningkatkan taraf kehidupan Orang Asli di situ.

Katanya, ada dua perkampungan Orang Asli dalam kawasan itu dengan 50 buah rumah dan 80 buah rumah di kampung tradisional.

Projek yang melibatkan kos RM50 juta itu dicadang dikendalikan oleh Jabatan Lanskap Negara, katanya.

-- BERNAMA

KAY NMO